

Komputer riba kuatkan semangat Siti Hawa

KUANTAN: "Saya bersyukur kerana masih ada individu prihatin dengan nasib insan istimewa seperti saya," kata Siti Hawa Apan-di, 19, pelajar tahun satu jurusan Sains Komputer, Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Siti Hawa yang mengalami penyakit lemah otot hingga tidak mampu berjalan berkata demikian selepas menerima komputer riba sumbangan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lepar, Datuk Ahmad Tajuddin Sulaiman, semalam.

Majlis diadakan di Dewan Banquet, UMP Kampus Gambang itu turut dihadiri Naib Canselor UMP, Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela.

Menurut Siti Hawa, komputer riba itu akan menguatkan lagi semangat dan kesungguhannya belajar untuk mencapai cita-cita bergelar pakar sains komputer.



SIMPATI...Ahmad Tajuddin menyerahkan komputer riba kepada Siti Hawa sambil diperhatikan Mohamed Said, semalam.

"Saya berazam belajar ber-sungguh-sungguh dan tidak akan menjadikan kecacatan ini sebagai halangan untuk mengejar impian," katanya.

Siti Hawa yang tinggal di asrama tidak menghadapi kesukaran bergerak kerana selain menggunakan kerusi roda, dia juga bertuah kerana ditemani ibu, Zaidah

Tamjis yang tinggal sebilik dengannya di asrama berkenaan.

Tajuddin berkata, semangat dan kesungguhan ditunjukkan Siti Hawa perlu dicontohi semua pelajar di negara ini kerana walaupun cacat, namun tidak menghalangnya berjaya dalam pelajaran.